

07 Sep 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Letters • Page: 36 • Printed Size: 11.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 199.69
PR value: MYR 599.07 • Item ID: MY0026968868

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Pada setiap hujung
minggu berlaku gangguan
bekalan air di Seksyen 2,
Wangsa Maju. Harap
pihak SYABAS ambil
tindakan. Apabila
aduan dibuat pelbagai
alasan diberikan.
- [BAGOS:BHA00812]

07 Sep 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Letters • Page: 36 • Printed Size: 12.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 217.85
PR value: MYR 653.55 • Item ID: MY0026968865

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahs@ns.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Harap Majlis Daerah Kuala Selangor menyelenggara longkang tersumbat, semak dan tong sampah di keliling flat empat tingkat, Taman Kuala Selangor Utama agar ia tidak menjadi pusat pembiakan nyamuk.
-[SALEAN:BHA13118]



Pembuat tekad teknik mengubah bunga tanjung terpanjang yang dicatatkan dalam Malaysia Book of Records, baru-baru ini.

Permintaan seni tekat semakin berkurangan

Seni tekat warisan Melayu perlu dipromosi dan dipelbagaiakan penggunaannya supaya ia kekal subur dan mesra digunakan dalam kalangan generasi muda.

Presiden Persatuan Pembuatan Kraf dan Sulaman Tangan Selangor (Scheme), Noor Ba'ah Abdul Said, berkata seni itu semakin luput apabila hanya tiga daripada sembilan jenis seni tekat itu masih wujud dan diamalkan di negara ini.

Katanya, ramai dalam kalangan generasi muda, langsung tidak mengetahui seni itu dan diperdayai berpuncak daripada

jumlah permintaan seni itu kian berkurangan.

"Sehingga kini, hanya beberapa jenis tekat saja masih mendapat sambutan antaranya tuji, gubah dan prada, namun jumlahnya kian menyusut seiring peredaran masa.

"Justeru, sudah sampai masanya kita berbuat sesuatu untuk memartabatkan seni yang seharusnya diwarisi generasi akan datang," katanya.

Bekerjasama bina jaringan
Katanya, usaha itu mendorong Scheme untuk beker-

jasama membina jaringan dalam kalangan pembuatan kraf di negara ini termasuk tekat memberikan promosi sulaman benang emas itu.

Katanya, usaha itu turut dianjurkan bersama Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat).

"Kami percaya menerusi jaringan ini, seni tekat akan kembali mendapat sambutan lebih lagi dalam pasaran fesyen tempatan.

"Antara perancanganannya adalah menerusi rekaan koleksi fesyen bersentuhan moden dan juga aksesori menarik perhatian masyarakat moden," katanya.



PJ Fair 2016 sukses

FESTIVAL Petaling Jaya atau dikenali sebagai PJ Fair 2016 yang melabuh tirai baru-baru ini boleh disifatkan sukses apabila mencatat kehadiran kira-kira 8,000 orang pengunjung selama tiga hari penganjuran berlangsung.

Sekjak dianjurkan julung-julung kalinya pada 2013, PJ Fair kembali menggegarkan Petaling Jaya untuk edisi yang keempat dengan penganjuran yang lebih besar dan hebat berbanding tahun sebelumnya. Festival itu juga bersempena sambutan ulang tahun ke-10 Petaling Jaya sebagai bandar raya.

Seperti mana penganjuran PJ Fair pada tahun-tahun sebelum ini, pusat bandar Seksyen 52 sekali lagi menjadi lokasi tetap festival selaras dengan hasrat untuk menceriakan pusat bandar berkenaan melalui pelbagai program dan aktiviti sosial, seterusnya menyokong pelaksanaan Projek PJ Liveable City @ Seksyen 52.

Acara tersebut juga menyahut seruan kerajaan negeri untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai kota seni, seterusnya bagi melahirkan masyarakat yang sentiasa hidup dengan interaksi sihat melalui aktiviti seni, kebudayaan dan intelektual.

Paling manis, PJ Fair kali ini turut mengadakan acara *wefie* yang berjaya diiktiraf dalam *Malaysia Book of Record* sebagai *wefie* yang teramai iaitu 1,502 pengunjung

direkodkan.

Antara aktiviti lain sepanjang berlangsungnya ialah persembahan *busking*, kebudayaan, pertandingan

peragaan fesyen kanak-kanak, *fleamarket*, *foodtruck*, perarakan mini, gerai jualan baju dan pakaian sukan dan pameran makanan antarabangsa yang dibawa khas dari Hungary, Indonesia, Sudan, Kazakhstan dan Bangladesh.

Penglibatan artis-artis tempatan seperti Amy Search, Zamani Slam, Altimet, Amir Jahari, Hunny Madu, Eto Blues Gang, De Fam, Adeline Tsen dan Mr.5k memeriahkan sambutan festival yang turut disebut The Colors of PJ berkenaan.

Untuk tahun-tahun akan datang, selaku penganjur, pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus komited memberikan yang terbaik dari segi pengisian program agar sentiasa segar dan mengikut trend semasa masyarakat setempat mahupun rakyat Malaysia.



AMY SEARCH dikerumuni peminat sewaktu membuat persembahan pada malam konsert sempena PJ Fair 2016, baru-baru ini.



Penghuni flat di bawah MBPJ berjiran dengan sampah

Kontraktor culas kutip sampah?

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN

kota@utusangroup.com.my

■ PETALING JAYA 6 SEPT.

FLAT Desa Mentari tidak seindah dan segah namanya.

Terletak di PJS 6/6D, Jalan Klang Lama, Petaling Jaya penghuninya agak malang kerana terpaksa berdepan dengan masalah sampah setiap hari yang didakwa berpunca daripada kegagalan kontraktor mengutip sampah mengikut jadual.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di perumahan yang mempunyai 11 blok di kawasan berbeza itu mendapati penghuni seolah-olah hidup berjiran dengan sampah.

Bukan sahaja sisa pepejal, bahkan sampah pukal seperti perabot, sofa, tilam, dahan, besi dan kayu memenuhi persekitaran.

Malah keadaan menjadi lebih teruk dengan bau busuk serta kehadiran tikus, lalat, gagak dan binatang berbisa.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa perumahan bertingkat di bawah pentadbiran Majlis

Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mendapati situasi sama turut berlaku.

Longgokan sampah memenuhi kawasan persekitaran Flat Taman Desa Ria, Flat PKNS dan Flat Medan Jaya di kawasan Taman Medan dan Taman Datuk Harun. Tidak hanya halaman perumahan, longkang dan bumbung turut menjadi mangsa.

Berdasarkan pemerhatian *Utusan Malaysia* sikap kurang prihatin segelintir penghuni yang mengabaikan aspek kebersihan menyumbang kepada masalah tersebut.

Penghuni bukan sahaja membuang sampah di luar tong sampah, bahkan sewenang-wenangnya mencampakkan sampah dari tingkat atas ke bawah tanpa memikirkan keselamatan dan perasaan orang lain.

Penduduk mendakwa disebabkan sampah tidak dikutip

mengikut jadual, persekitaran kawasan perumahan mereka tidak pernah surut daripada timbunan sampah.

Difahamkan kontraktor hanya mengutip sampah yang berada di dalam tong dan rumah sampah tetapi langsung tidak menyentuh sampah yang dilonggok di luar.



Longgokan sampah memenuhi kawasan persekitaran Flat Taman Desa Ria, Flat PKNS dan Flat Medan Jaya di kawasan Taman Medan dan Taman Datuk Harun. Tidak hanya halaman perumahan, longkang dan bumbung turut menjadi mangsa.

07 Sep 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: NIK HAFIZUL BAHARUDDIN • Section: Dlm Negeri • Page: 32
Printed Size: 1140.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 22,738.00 • PR value: MYR 68,214.00 • Item ID: MY0026969673

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3 BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



KEGAGALAN kontraktor melaksanakan kerja pengutipan sampah mengikut jadual didakwa punca persekitaran flat di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya dipenuhi sampah sarap.



MBPJ nafi kontraktor gagal kutip sampah



PETALING JAYA 6 Sept. - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menafikan masalah longgokan sampah di kawasan perumahan bertingkat terutama flat kawasan pentadbirannya berpunca daripada kegagalan pihak kontraktor menjalankan kutipan mengikut jadual ditetapkan.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd. Aziz Mohd. Zain berkata, sebaliknya nasalah itu berlaku disebabkan peningkatan jumlah sampah yang dibuang setiap hari oleh penduduk.

"Bagi sampah pukal kutipan sebanyak dua kali sebulan dilaksanakan manakala kutipan sampah harian adalah setiap hari.

"Meskipun kutipan dibuat, jumlah sampah sarap tidak akan berkurangan dan persekitaran kembali teremar," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau mengulas mengenai persekitaran beberapa flat yang dipenuhi sampah sarap sehingga mengancam keselamatan dan keselesaan penduduk.

Mohd. Azizi berkata, penduduk perlu mehunggu waktu



MOHD. AZIZI MOHD. ZAIN

kutipan sebenar bagi sampah pukal sekiranya mereka berhasrat untuk membuang sampah berkenaan.

"Itu yang sepatutnya mereka lakukan apabila tiba waktunya dan bukan melonggokannya selepas kutipan dibuat."

Mengenai segelintir penghuni sendiri yang membuang sampah merata-rata tempat, beliau berkata, sikap itu perlu diubah.

Katanya, di pihak kontraktor mereka tetap menjalankan tanggungjawab melaksanakan kutipan sama ada sampah berada di luar atau dalam tong.

07 Sep 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 32 • Printed Size: 259.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,166.00
PR value: MYR 15,498.00 • Item ID: MY0026969674

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



TIMBUNAN sampah sarap yang dibuang di luar tong sampah mencemarkan persekitaran kawasan perumahan.

AH LONG

■ ISU ah long bukan baharu, malah ia terus menimbulkan masalah kepada orang ramai. Tetapi, untuk mengembangkan perniagaan itu, mereka menggunakan nama pinjaman wang berlesen bagi mengaburi mata penguatkuasa.

ADNAN MOHD. NOR

Kuala Lumpur

JAWAPAN: Perkara ini dalam perhatian pihak berkuasa tempatan untuk menentukan siapa yang boleh bertanggungjawab dan perjumpaan dengan pihak Bank Negara dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan dilakukan dalam masa terdekat.

DATUK IBRAHIM YUSOFF

Pengarah Jabatan Pelesiran dan Pembangunan Penjaja DBKL

CANTAS POKOK

■ PENGADU mohon agar pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan mencantas atau menebang pokok mangga yang besar dan mengganggu wayar Telekom Malaysia (TM) di sekitar Taman Desa Baru.

C. DANAPAL

Taman Desa Baru, Melaka

JAWAPAN: Untuk makluman tuan, aduan telah diterima oleh pihak Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ). Pihak Bahagian Lanskap telah menjalankan siasatan. Segala kerja-kerja pemangkasan akan dilakukan dengan segera secara berperingkat-peringkat mengikut turutan aduan dan telah



dimasukkan ke dalam jadual cantasan bulanan.

AZIZAH OSMAN

Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) (Bahagian Lanskap MPHTJ)


HARTA AWAM

■ KEPUTUSAN mahkamah baru-baru ini untuk tidak mengarahkan pengaruh perhimpunan haram bersih di ibu negara untuk membayar ganti rugi kerosakan harta benda awam itu perlu dibincangkan agar mereka tidak sewenang-wenangnya bertindak sesuka hati dengan pada masa akan datang.

NORAZRIN MAT DAUD

Kuala Lumpur

JAWAPAN: Kami tidak boleh berbuat apa-apa kerana itu adalah keputusan mahkamah. Apa yang kami boleh buat adalah dengan mengelakkan perkara yang sama berulang



seperti menutup kawasan yang dibimbangkan terjejas teruk seperti Dataran Merdeka.

DATUK SERI MHD. AMIN NORDIN ABD. AZIZ

Datuk Bandar Kuala Lumpur

JADUAL SAMPAH

■ SISA yang tidak dikutip di Sikamat mengundang bau busuk di kawasan penduduk. Minta pihak bertanggungjawab agar prihatin dengan masalah yang dihadapi kami di sini.

KOMAT JOLOBU

Sikamat, Seremban

JAWAPAN: SWM Environment Sdn.Bhd (SWM) Negeri Sembilan menjalankan kutipan sampah dua kali seminggu bagi sisa domestik dan sekali seminggu bagi kutipan sisa kitar semula, kebun dan pukal. Tong sampah beroda yang disediakan perlu diletakkan di bahu jalan luar premis kediaman bagi memudahkan kutipan sisa domestik. Orang ramai juga diminta untuk melaksanakan pengasingan sisa di punca dengan mengasingkan sisa kitar semula mengikut jenis kertas, plastik dan lain-lain bagi mengurangkan jumlah sampah ke tapak pelupusan.

MAHADI ABD. TALIB

Pengurus
SWM Negeri Sembilan**BANJIR KILAT**

■ HUJAN lebat yang melanda Lembah Klang kebelakangan ini kerap menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan seperti Jalan Lapangan Terbang Subang dan

susur masuk ke Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE), Subang.

ZUL ZLATAN

Paodan Indah

JAWAPAN: Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor telah memohon peruntukan sebanyak RM500,000 berhubung kerja-kerja naik taraf sistem saliran di sekitar Jalan Lapangan Terbang Subang, Subang Jaya bagi mengatasi masalah banjir kilat. Kejadian banjir juga didapat berlaku lebih kerap sejak projek pengangkutan awam dilaksanakan di kawasan tersebut dan kami telah meminta pemaju projek itu memastikan sampah-sarap dan tanah dari kawasan pembinaan dikawal supaya tidak mengalir ke dalam sistem saliran selain mengorek sistem kelodak longkang dengan lebih kerap.

JKR SELANGOR



BANJIR KILAT

Tengku Amir boleh contohi TMJ

BARU-BARU ini kecoh mengenai Mesyuarat Exco Persatuan Bola sepak Selangor (FAS) yang diceklari dengan tindakan segelintir ahli Exco badan induk tersebut bertindak meninggalkan majlis itu sehingga menimbulkan pelbagai persoalan di kalangan peminat bola sepak tempatan terutamanya penyokong Selangor.

Terkejut juga Mat sebaik sahaja dapat mengetahuinya dan selepas disiasat, tindakan tersebut dilakukan oleh segelintir Exco yang tidak berpuas hati dengan 'kuasa' yang dimiliki oleh penolong pengurus, Noor Hisham Mohd. Ghouth yang dikatakan boleh menentukan masa depan pemain dan jurulatih.

Tidak lama kemudian, Hisham pula menafikan bahawa dia tidak memiliki kuasa besar. Sudah. Mat pening dengan situasi yang sedang dihadapi FAS.

Mat harap suatu hari nanti Tengku Amir Shah putera kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dapat mengambil alih peranan presiden FAS seperti mana yang pernah dilakukan oleh pemilik Kelab Bolasepak Johor Darul Ta'zim (JDT), Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

Bagi Mat, Tengku Amir masih lagi muda dan mungkin beliau memiliki visi dan misi untuk memajukan bola sepak Selangor ke peringkat antarabangsa tambahan pula idolanya adalah Tunku Ismail.

Mat yakin, mesti ramai yang sependapat dengan Mat dalam hal ini. Daripada biarkan ahli politik mentadbir FAS apa salahnya kalau badan induk itu ditadbir oleh golongan kerabat.

Mesti pelbagai pembaharuan, kemajuan dan perubahan yang dapat dilakukan jika Tengku Amir menjadi presiden FAS dan Mat yakin jika beliau memegang jawatan tersebut pasti hubungannya dengan rakyat Selangor semakin akrab. Itulah yang kita mahukan. Rakyat dan raja berpisah tiada.

Lihatlah JDT bagaimana Tunku Ismail mengambil alih kelab tersebut. Dalam tempoh tiga tahun sahaja pelbagai fasiliti dan infrastruktur yang dilakukan oleh beliau. Malah, apa yang lebih membanggakan apabila JDT muncul satu-satunya kelab dari Asia Tenggara menjuarai Piala AFC selepas memenangi pada tahun lalu.

Namun, itu semua pandangan Mat sahaja. Bukanlah Mat ingin Presiden FAS yang ada ketika ini meletakkan jawatannya. Bukan begitu. Cuma, jika Tengku Amir berminat tidak salah untuk memberi ruang kepada beliau untuk menggalas jawatan tersebut.

Tambahan pula, baru-baru ini Mat ada terbaca bahawa kelab penyokong Selangor rata-rata menyambut baik jika Tengku Amir menjadi presiden. Nampak tak? Mat yakin mesti ramai yang setuju dengan pendapat Mat.

Mat Sport

sukan@utusan.com.my



Tun M, Anwar miliki jiwa besar: Azmin

SHAH ALAM - Pertemuan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim membuktikan kedua-dua tokoh itu memiliki jiwa besar tatkala negara berdepan krisis kepimpinan dan memerlukan hala tuju untuk menyelamatkan negara dan memulihkan ekonomi.

Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, seperti yang disebut Anwar di mahkamah, kehadiran Mahathir membuktikan beliau bersedia menerima agenda reformasi.

"Saya dan rakyat Malaysia gembira menyaksikan Anwar dan Mahathir bertemu kembali setelah 18 tahun terpisah.

"Saya yakin ini satu permualaan ke arah perpaduan umat dan pengukuhan parti-parti politik yang progresif sebagai persiapan meng-



MOHAMED AZMIN

hadapi PRU14," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmanin, dua tokoh besar itu bersalaman tepat pada jam 3.09 petang di Mahkamah Tinggi Rayuan Kuasa-Kuasa Khas, Tingkat 5, Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Anwar hadir ke mahkamah bagi memfaillkan injunsi bagi menghalang Najib me-

neruskan pelaksanaan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016.

Beliau juga memohon pengisyntiharan bahawa akta itu tidak berperlembagaan dan tidak sah kerana ia dikuatkuasakan menurut Fasal 66 (4A) Perlembagaan Persekutuan.

Mahathir berpeluang bertemu dengan Anwar selama kira-kira 20 minit secara tertutup untuk membincangkan proses perundangan termasuk beberapa isu.

Selain Mohamed Azmin, turut sama pada perteruan itu, Ketua Pembangkang dan Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, yang juga isteri Anwar.

"Apa yang disaksikan oleh dunia pada saat itu bukan sekadar dua insan bersalaman, tetapi dua negarawan yang sanggup mengetepikan perbezaan

dan kegiatan masa lampau demi masa depan dan rakyat Malaysia yang lebih terjamin," kata Mohamed Azmin.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (Amanah), Khalid Abdul Samad berharap pertemuan antara dua tokoh negara itu akan melonjakkan sokongan terhadap usaha parti pembangkang bagi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan BN.

"Kita mengharapkan Mahathir dan Anwar dapat memperbaiki hubungan antara mereka.

"Amanah dan rakyat Malaysia tidak menafikan ketokohan yang wujud antara kedua-dua dan potensi gandingan mereka menjanjikan parti pembangkang yang lebih berkesan dan mampu menjatuhkan BN," katanya.

Bantu tingkat taraf ekonomi rakyat

Kerajaan negeri peruntuk RM992,500 melalui program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi

GESIR- Kerajaan Selangor menggalakkan masyarakat desa membangunkan perniagaan melalui program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hatri berkata, usaha kerajaan negeri mampu membantu meningkatkan taraf sosial rakyat sekaligus menyumbang ke arah kesajahteraan negeri.

"Kerajaan negeri memperuntukan sejumlah RM992,500 untuk program ini.

"Krajaan negeri berharap peserta dapat meningkatkan taraf ekonomi keluarga masing-masing," katanya pada Majlis Penyerahan Alatan Program Pembangunan Usahawan Industri Komuniti Kampung 2016, semalam.

Seramai 90 peserta kursus modul iaitu kios, stimulatherapy dan membaiki kasut seluruh Selangor menerima bantuan peralatan berkeraian.

Menurutnya, peserta diharap mampu menggunakan peralatan yang dibekalkan itu secara optimum dengan mengembangkan perusahaan sedia ada atau memulakan perniagaan.



Peserta kursus membaiki kasut diberi bantuan peralatan sebagai modal permulaan perniagaan.



Ahmad Yunus memeriksa peralatan membaiki kasut sebelum serahan dibuat.



Ahmad Yunus melihat barang yang bakal diserahkan kepada peserta kursus Stimulotherapy.



Ahmad Yunus bersama sebahagian peserta kursus stimulotherapy dan barang yang diserahkan di Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (Itkau), semalam.



Antara peserta kursus yang hadir dalam program serahan, semalam.

Headline	ANCAMAN PADA BN		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	1,2	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	617 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,525
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,574



Seribu makna...
Apabila Datuk Seri Anwar menggegarkan mesra tangan Tun Dr Mahathir di Makanan Tengah Kuala Lumpur semalam, apakah ia memberi makna lanskap politik katalai kan berlaku?

Beberapa pihak percaya pertemuan Tun Dr Mahathir dengan Datuk Seri Anwar kuatkan pembangkang untuk ancam BN pada PRU14, namun pihak BN anggap sebaliknya

ANCAMAN PADA BN?

“ Usaha Mahathir jumpa Anwar adalah tindakan terdesak untuk raih sokongan pembangkang.”
- Naib Presiden Umno,
Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

“ Pertemuan Dr Mahathir dan Anwar adalah permulaan ke arah perpaduan ummah dan pengukuhan parti sebagai persiapan hadapi PRU14.”
- Timbalan Presiden PKR,
Datuk Seri Mohamed Azmin Ali

2 & 4

Headline	ANCAMAN PADA BN		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	1,2	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	617 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,525
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,574

Pertemuan tiada keikhlasan: TPM

PUTRAJAYA - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyifatkan pertemuan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur kelmarin, sebagai pertemuan politik tanpa keikhlasan.



Beliau juga melihat usaha Mahathir menemui Anwar yang sebelum ini merupakan seteru politiknya itu sebagai tindakan politik terdesak, semata-mata untuk meraih sokongan daripada pihak pembangkang.

"Beliau sanggup menemui seteru politik beliau. Namun perlu dilihat tindakan itu adalah tindakan politik yang terdesak," katanya kepada media selepas mengadakan pertemuan dengan ahli lembaga pengaruh, pengurus syarikat dan pelanggan industri kawalan keselamatan negara di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Ahmad Zahid, yang juga Naib Presiden Umno yang menggalas tugas timbalan presiden parti itu berkata demikian ketika diminta mengulas pertemuan Mahathir dan

Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam, di mana Anwar mempunyai kes berkaitan Akta Majlis Keselamatan Negara.

Mahathir memecat Anwar pada 1998 sebagai timbalan perdana menteri. Anwar juga dipecat daripada Umno.

Anwar kemudian dikenakan pertuduhan berkaitan rasuah dan liwat. Beliau dihukum enam tahun penjara pada 1999 berhubung empat tuduhan rasuah.

Beliau dibebaskan pada 2 September 2004 setelah hampir enam tahun menjalani hukuman penjara apabila Mahkamah Persekutuan membenarkan rayuannya terhadap sabitan kesalahan liwat.

Kini, bekas ketua pembangkang itu menjalani hukuman penjara lima tahun bagi satu lagi sabitan kesalahan meliwt. - Bernama

“Beliau sanggup menemui seteru politik beliau. Namun perlu dilihat tindakan itu adalah tindakan politik yang terdesak.” - Ahmad Zahid

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Kuala Lumpur Convention Centre (Kuala Lumpur Convention Centre)	2	0	RM 0
Putrajaya International Convention Centre (PICC) (Putrajaya)	3	0	RM 0
UMNO (UMNO)	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Tingkat kreativiti penjawat awam

■ MARLIA ZAKARIA

SHAH ALAM - Kerajaan negeri bersetuju mengekalkan jumlah hadiah wang tunai kepada pemenang Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2016.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya berkata, jumlah hadiah wang tunai akan dikekalkan bagi 19 kumpulan dari tiga kategori yang bertanding.

"Ia terdiri daripada kategori pengurusan, teknikal dan hybrid. Bagi kategori pengurusan dan teknikal, johan akan menerima wang tunai berjumlah RM15,000, naib johan, RM10,000 dan RM7,000, tempat ketiga.

"Pameran dan persembahan terbaik pula akan menerima RM1,500 serta RM10,000 bagi peserta yang layak bagi kategori baru iaitu hybrid," katanya



Mohd Amin ketika mengadakan lawatan sempena Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2016, semalam.

an perasmian di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz.

Katanya, majlis dua hari yang bermula semalam ini bertujuan mencetus impak positif dalam kalangan penjawat awam Selangor.

"Ia mampu melahirkan budaya kerja serta idea-idea baharu khususnya dalam usaha meningkatkan kecekapan

penyampaian perkhidmatan awam di semua jabatan dan agensi di Selangor.

"Kerajaan negeri sentiasa menyokong penuh dengan memberi insentif kepada jabatan-jabatan yang gigih membudayakan inovasi dan kreativiti dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan," katanya.

07 Sep 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 42 • Printed Size: 131.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,234.56
PR value: MYR 6,703.68 • Item ID: MY0026968579

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahotungor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



KLANG... Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi melepaskan peserta Kayuhan Merdeka UKP kira-kira 13 kilometer di Rantau Panjang, baru-baru ini.



Kuala Langat Job Fair diserbu

SERAMAI 1,000 pengunjung menyerbu Kuala Langat Job Fair sempena Karnival Jelajah Gems di Pusat Latihan Awam Selangor (Plas), Morib, baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras, Daniyal Mat Jusoh berkata, sebanyak 31 syarikat menyertai program anjuran Jawatankuasa Tetap Pendidikan Pembangunan Modal Insan Sains Teknologi dan Inovasi Selangor itu yang memberi peluang kepada graduan universiti atau indivi-

du yang layak mendapat tempat untuk bekerja.

"Sambutan menggalakkan dan penyertaan pemohon bersama ibu bapa dan keluarga positif.

"Sudah tiba masanya ibu bapa turut terlibat dalam memberi pandangan menganai sesuatu jawatan yang ditawarkan terus kepada anak mereka," katanya.

Sementara itu, pelajar, Nor Hazrina Estiar, 24, berkata, dia yang baru sahaja tamat pengajian Pengurusan Sistem Pejabat,

UiTM Kelantan mencuba nasib memohon peluang kerjaya ditawarkan.

"Sekarang graduan kena rebut peluang sebab susah nak dapat kerja," katanya.

Seorang ibu, Zaleha Salleh, 55, itu kali pertama dia menemani anaknya memohon kerja dalam karnival seumpama ini dan tidak sangka banyak peluang kerjaya ditawarkan.

"Saya galakkan anak cari kerja dalam karnival ni, mana tau ada rezeki," katanya.

Serah memorandum sokong Akta 355

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM - Seramai 11 pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan penduduk, penduduk Kota Raja dan gerakan mahasiswa menyerahkan memorandum menyokong pindaan Rang Undang-undang (RUU) Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah) atau Akta 355 kepada Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariah Mahmud, kelmarin.

Penyerahan memorandum diketuai Ahli Majlis Perwakilan Penduduk Zon 11 Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Imran Satiman.

Imran berkata, penyerahan memorandum ini sebagai isyarat kepada ahli parlimen itu bahawa penduduk di kawasan parlimen Kota Raja mahukan ahli parlimen yang boleh mengangkat Islam di negara ini termasuk dapat bersama memperkasakan mahkamah syariah.

Menurutnya, serahan dibuat selepas forum RUU 355: penyelamat atau perosak

negara yang menampilkan Dr Ahmad Jailani, Prof Dr Shamrahyu dan Dr Wong Chin Huat sebagai panel.

"Forum ini adalah anjuran Gabungan Mahasiswa Islam SeMalaysia (Garnis), Pertubuhan Pendidikan Tunas Insan Selangor (Perintis) dan Ahli MPP Zon 11 MBSA yang diadakan kelmarin di Dewan Oncidium, Kota Kemuning.

"Hasil daripada forum itu, orang ramai lebih faham dan sedar bahawa Pindaan Akta 355 tidak bersalah dengan perlombagaan seperti mana yang dimomokkan pihak tidak bertanggungjawab," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Mei lalu, Ahli Parlimen Marang yang juga Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang membentangkan RUU untuk meluluskan RUU Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 di Dewan Rakyat.

Usul berkenaan bertuju-

an meminda Seksyen 2 bagi menggantikan peruntukan dalam undang-undang sedia ada iaitu Mahkamah Syariah akan mempunyai kuasa ke atas umat Islam dan dalam hal-hal kesalahan di bawah perkara yang disenaraikan dalam butiran 1 Senarai Negeri, di bawah jadual kesembilan Undang-undang persekutuan.

Ia juga bagi memasukkan seksyen 2A iaitu dalam menjalankan undang-undang jenayah di bawah seksyen 2, Mahkamah Syariah berhak menjatuhkan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang syariah berkaitan hal-hal kesalahan yang disenaraikan di bawah seksyen disebutkan, selain hukuman mati.

“ Pindaan Akta 355 tidak bersalah dengan perlombagaan seperti mana yang dimomokkan pihak tidak bertanggungjawab.”

- Imran



Imran menyerahkan baju T tertera sokongan kepada pindaan Akta RUU 355 kepada Siti Mariah dengan harapan beliau menyokong akta berkenaan.

Rai merdeka bersama anak asnaf



BUAT julung kalinya, rumah asnaf Bait Al-Hasanah, Jalan Kapar terpilih sebagai lokasi sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri Selangor anjuran Jabatan Pendidikan Selangor dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Ketua Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas, Abd Aziz Abd Jalil mewakili pengarah Jabatan Pendidikan Selangor berkata, program itu melibatkan penyertaan 152 daripada 176 penghuni rumah kebajikan berkenaan.

Menurutnya, Jabatan Pendidikan memilih rumah kebajikan anak asnaf kendalian LZS untuk memberi kelainan pada sambutan kepermerdekaan tahun ini.

Anak-anak asnaf rumah berkenaan membuat persembahan koir di hadapan tetamu yang hadir.

"Kita ingin menjadikan anak-anak ini sebagai golongan pelajar yang mempunyai jati diri tinggi dan berkebolehan memahami aspirasi negara dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Hussin Mohd Ali berkata, program berkenaan secara tidak langsung memberi makluman orang ramai berkenaan penggunaan wang zakat untuk anak-anak asnaf.

"Pelaksanaan program untuk anak asnaf dan pembangunan pendidikan mereka boleh dijadikan menerusi wang zakat," katanya.

Pada program berkenaan, beberapa pertandingan diadakan selain pameran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara, Perbadanan Adat dan Warisan Negeri Selangor (Padat), Jabatan Penerangan Selangor dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Selangor.

MDKS giat tingkat imej perbandaran

KUALA SELANGOR – Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) terus agresif menganjurkan program gotong-royong bagi meningkatkan imej kawasan tumpuan seiring hasrat menjadikan daerah ini perbandaran hijau.

Yang Dipertua MDKS, Noraini Roslan berkata, program yang berterusan bermula 31 Ogos sehingga 16 September itu tertumpu di kawasan medan niaga dan ruang parkir.

“Projek gotong-royong ini bertepatan dengan imej menuju ke arah perbandaran hijau selain membantu meningkatkan imej kebersihan kawasan tumpuan,” katanya.

Noraini berkata, pihaknya berterima kasih kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menyalurkan peruntukan untuk penjenamaan semula landskap hijau daerah ini.

“Penyertaan syarikat

swasta, NGO (pertubuhan bukan kerajaan) dan orang perseorangan amat dialu-alukan untuk bekerjasama sebagai program tanggung-jawab sosial korporat (CSR) mereka untuk tujuan sama.

“Orang ramai turut dijemput untuk bersama meriahkan program gotong-royong mega yang akan dianjurkan pada 16 September ini dengan kerjasama agensi kerajaan lain,” katanya.



Akta 355: Tindakan perlekeh mufti tak berasas

SHAH ALAM - Pemuda Pas Selangor menyifatkan sikap sebahagian pemimpin Melayu Islam yang memperlekeh saranan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri baru-baru ini, sebagai satu perbuatan dangkal.

Pengarah Jabatan Penerangannya, Ahmad Hakimi Othman berkata demikian mengulas respons negatif yang diberikan terhadap Zulkifli yang sebelum ini menyeru ahli parlimen beragama Islam wajib menyokong Rang Undang-undang (RUU) Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah) atau Akta 355.

Menurutnya, tindakan menuduh Zulkifli tidak memahami isu Akta 355 dan perlu mendengar perbahasan, menggambarkan sebuah pemikiran yang begitu alergi dengan usaha demokrasi umat Islam untuk menyebut Islam.

"Mufti tersebut (Zulkifli) terkenal dengan sikap proaktif mendengar daripada semua pihak tentang usaha-usaha memperkasakan Akta 355 dan beliau menerima ba-



AHMAD HAKIMI

nyak lawatan dari NGO (pertubuhan bukan kerajaan), Pas dan badan-badan lain tentang hakikat sebenar akta itu.

"Tidak seperti pemimpin parti politik baru yang ditubuhkan setahun lepas, yang sengaja menafikan hakikat sebenar tujuan pindaan Akta 355 dan menjadikan alasan teknikal untuk menolak pindaan tersebut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, ahli politik yang bersikap demikian dinasihatkan supaya segera muhasabah dan kembali ke pangkal jalan.

"Tindakan memperlekeh saranan tersebut boleh merugikan Islam yang dianut di

negara ini," katanya.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Mujahid Yusof Rawa mendakwa kenyataan Zulkifli dibuat dengan tidak melihat secara menyeluruh berikutkan cadangan pindaan akta itu masih belum diperincikan di Dewan Rakyat.

Mujahid dilaporkan berkata, sokongan bukan menjadi isu, sebaliknya ia menjurus ke arah teknikal serta pelaksanaan, malah turut mengingatkan supaya Zulkifli tidak menggunakan kedudukannya dalam menjatuhkan hukum wajib.

Dalam pada itu, Ahmad Hakimi menegaskan, pihaknya menyokong penuh saranan Zulkifli supaya ahli parlimen Islam menyokong pindaan Akta 355.

"Gesaan dan saranan oleh mufti terbabit dibuat setelah penelitian dan pemahaman yang jelas tentang usaha memartabatkan syiar umat Islam dan memperkasakan mahkamah syariah setelah lebih 30 tahun tidak dikemas kini," katanya.



Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Puchong

Bau kencing tikus di hampir setiap penjuru premis, keadaan lantai kotor dan siling penuh bersawang.

Itu gambaran kekotoran sebuah premis memproses sos dan kicap di kawasan perindustrian Meranti Jaya, di sini, ketika diserbu sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKK)

dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tengah hari semalam.

Bukan itu saja, premis yang dipercayai beroperasi sejak 2010 itu turut menggunakan logo halal palsu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi semua segmen produksinya termasuk kicap, sos cili, sos tomat, cuka, sos tiram dan tauco.

Selain logo halal palsu JAKIM, pemilik premis juga didapati mencetak logo halal sendiri termasuk turut menggunakan logo halal Islamic Food and Research Council (IFRC) yang diha-

ramkan JAKIM sejak 2012.

Ketua Unit Perihal Daganan KPDKK Selangor Ku Nadiah Che Ku Muni berkata, pihaknya terpaksa menyita 1,027 pelbagai jenis produk keluaran premis berkenaan bernilai RM11,500.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati, premis sama pernah diserbu pada 2010 atas kesalahan sama, namun tetap berdegil dan masih menjalankan aktiviti sama.

"Kes berkenaan kini disiasat mengikut Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Per-

akuhan dan Penandaan Halal) kerana menggunakan logo halal JAKIM palsu," katanya.

Katanya, pemilik premis pernah memohon untuk mendapatkan sijil halal bagi produk mereka, namun JAKIM menolak permohonan itu kerana tidak memenuhi kriteria ditetapkan.

Sementara itu, Penolong Pengarah Unit Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Halal JAIS Abd Haziq Abd Wahid berkata, pihaknya mendapati produk keluaran premis ini dipasarkan di pasar raya sekitar Lembah Klang.

07 Sep 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: Mohd Husni Mohd Noor • Section: Setempat • Page: 44

Printed Size: 391.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color

Ad Value: MYR 15,344.00 • PR value: MYR 46,032.00 • Item ID: MY0026968759

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BERSAMAAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahusnong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

>> **Produk keluaran premis terbabit dipasarkan di pasar raya sekitar Lembah Klang**





Saman pemburu Pokemon

■ MBPJ keluar 200 notis pengunjung ganggu ketenteraman, lalu lintas setiap hari

SEBAHAGIAN pengguna bermain permainan Pokemon pada telefon pintarnya di sekitar Tasik Taman Jaya.

Fairul Asmaini Mohd Pilus
 asmaini@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Dianggarkan lebih 200 saman dikeluarkan pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) setiap hari kepada pengunjung taman rekreasi Taman Jaya, kerana melanggar peraturan lalu lintas semata-mata untuk bermain aplikasi permainan telefon pintar Pokemon Go.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohd Azizi Mohd Zain berkata, kebanyakan saman adalah membabitkan kesalahan meletak kenderaan di bahu jalan dan menyebabkan halangan kepada

da lalu lintas.

Katanya, pengunjung perlu lebih peka dan tidak bersikap pentingkan diri sendiri kerana tindakan sebegitu boleh menyusahkan orang lain.

"Di pihak MBPJ, kita tidak menghalang orang ramai untuk bermain permainan berkenaan di taman itu namun pengunjung perlu mematuhi peraturan dan tidak mengganggu ketenteraman awam."

Justeru, pengunjung dinasihatkan supaya meletakkan kenderaan di tempat yang dikhaskan serta tidak menghalang laluan di kawasan perumahan atau jalan utama," katanya kepada Harian Metro.

Sebelum ini, Taman Jaya seluas lebih satu hektar itu kurang dikenali namun ia

secara tiba-tiba popular semuanya kerana permainan berkenaan.

Dianggarkan, ribuan pengunjung mengunjungi taman itu pada hujung minggu tidak kira siang atau malam semata-mata untuk memburu watak terkenal, Pikachu dan ia juga tidak pernah sunyi pada hari biasa.

Tinjauan Harian Metro di taman berkenaan semalam mendapati bukan kanak-kanak atau remaja saja yang menggemari permainan ini, malah golongan dewasa serta warga emas turut sama melayan keseronokan memburu pelbagai watak Pokemon.

Ada yang datang secara sendirian dan tidak kurang juga bersama rakan atau ahli keluarga, semuanya ga-

ra-gara Pikachu serta beberapa Pokemon lain yang dikatakan kerap muncul di taman itu.

Pesara kerajaan yang mahu dikenali sebagai Halim, 66, berkata, sebelum ini setiap petang dia sering meluangkan masa bersantai sambil berjalan di sekitar taman tasik itu bersama cucunya yang berusia enam tahun tetapi kini kegiatan itu terpaksa dihentikan sementara.

"Pengunjung terlalu ramai dan untuk berjalan dengan selesa pun agak payah."

"Selain itu, saya juga risaukan keselamatan cucu dan kanak-kanak lain kerana mereka (emain) tidak menghiraukan keadaan sekeliling dan asyik melihat telefon bimbit saja," katanya.

Tambah ahli wanita MBPJ

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bercadang menambah ahli wanita bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang dapat dimantapkan lagi di kawasan majlis itu.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohd Azizi Mohd Zain berkata, MBPJ memiliki 373 anggota penguat kuasa pelbagai pangkat namun daripada jumlah itu, hanya 10 peratus wanita.

"Keseluruhan penguat kuasa wanita di MBPJ sekitar 40 orang saja dan jumlah itu tidak mencukupi memandangkan golongan berkenaan (wanita) semakin ramai sejak kebelakangan ini.

"Kita bercadang untuk mengambil lebih ramai ahli penguat kuasa wanita pada sesi ambilan akan datang bagi menyeimbangi keperluan berkenaan," katanya.

Headline	Impian pesakit barah paru paru		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	07 Sep 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	46	ArticleSize	163 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 6,397
Journalist	N/A	PR Value	RM 19,191
Frequency	Daily		



Impian pesakit barah paru-paru

Hulu Bernam: Menghidap barah paru-paru bukan penghalang kepada seorang lelaki untuk mengejar impian memiliki pusat terapi sendiri.

Azarudin Abdul Rahman, 48, berkata, peluang mengikuti Program Pembangunan Usahawan Industri Komuniti Kampung dalam bidang stimulaterapi dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengecapi impian itu.

"Mengurut dan memberi khidmat terapi memang minat saya namun ilmu dan pengalaman tidak ada.

"Jadi apabila ada program ini, saya, serta dan ternyata tidak sia-sia malah saya diberi bantuan peralatan untuk memulakan perniagaan," katanya selepas Majlis Penyampaian Alatan Kepada Peserta di Institut Teknologi Kulinari Anjung Utara (ITKAU), di sini, semalam.

Majlis itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Te-tap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi Selangor

Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Turut hadir, Pengetua IT-KAU Datuk Dr Rusly Abdulla.

Seramai 105 peserta seluruh Selangor terbabit dalam program selama tujuh hari itu dan pulang dengan peralatan bantuan bernilai antara RM1,000 hingga RM3,500.

Azarudin berkata, isteri dan tiga anaknya menjadi pendorong terhadap usahanya selama ini.

Menurutnya, biarpun barah paru-paru dihidapinya pada tahap dua, namun dia perlu kekal kuat dan terus berusaha untuk mengubah nasib keluarga.

"Sebelum ini saya pernah kerja kilang sebelum beralih bermiaga pisang goreng.

"Apabila ditawarkan program ini saya rasa sangat bertuah kerana akan dapat bantuan peralatan serta dipantau selama dua tahun," katanya yang berasal dari Sijangkang.



AHMAD Yunus (dua dari kiri) ketika Majlis Penyampaian Alatan kepada peserta.

GIST(ENGLISH)

N/A

Sambut baik saranan mufti

Shah Alam: Dewan Pemuda PAS Negeri Selangor (DPPNS) menyambut baik saranan Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang menyeru supaya umat Islam termasuk Ahli Parliment Islam menyokong cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016.

Pengarah Jabatan Penanganan DPPNS Ahmad Hakimi Othman berkata, keperluan yang diperjuangkan perlu disambut dengan hati terbuka oleh umat Islam.

On high alert

Local councils increase inspections and control measures following Zika virus cases

LOCAL councils in the Klang Valley are on high alert following reports of Zika virus cases in the country.

Kuala Lumpur City Hall (DBKL) will take vector control measures, including destroying Aedes mosquito breeding grounds through fogging and larvicide.

It will also refer patients with Zika virus to the Federal Territories Health Department for further examination at the hospital.

DBKL Health Department director Dr Hayati Abdullah advised all households to ensure their homes and surrounding areas were kept clean all the time.

"I would like to advise the public to wear long-sleeved clothes and bright colours to avoid mosquitoes," said Dr Hayati.

The Petaling Jaya City Council will increase inspections at residential and commercial areas, development sites and at abandoned buildings.

"Among hotspot areas identified in Petaling Jaya are Section 17, Lestari Apartment and Permai Apartment in PJU 10, SS2, SS4A, SS7, SS5, SS5C, and SS6," said MBPJ public relations officer Zainun Zakaria.

"From there we will move on to other areas and will not stop until we finish checking every part of the city," she said.

Shah Alam City Council corporate communications head Shahrin Ahmad said since Aug 20, the council had checked 16,806 premises in the city while 500,626 premises were fogged.

"Another 9,854 premises were given abate and we issued 408 compounds for breeding Aedes mosquitoes," he added.

Selayang Municipal Council (MPS) said it was monitoring Taman Samudera Selatan, Taman Sri Gombak, Casmaria Apartments, Taman Sri Batu Caves Apartments, Kampung Selayang Pandang, Kepong Central Condominium, and Taman Bersatu in Rawang.

The Gombak district health office had monitored Taman Permata Zone B and Sri Maya Condominium in Hulu Klang for Aedes mosquito.

As of Aug 1, Kajang Municipal Council (MPKj) had added one more shift to its existing two shifts to control the mosquito problem," said MPKj public relations head Kamarul

Izlan Sulaiman.

The additional shift from 4am to 1pm covered larviciding, fogging with ultra-low volume fogging machines, and search and destroy.

"The existing two shifts are at 8am and 6.30pm," said Kamarul Izlan, adding that the morning shift targeted hotspots and uncontrollable epidemic.

The Hulu Langat District, which the Kajang municipality fell under, usually ranked among the top three dengue hotspots in Selangor.

Subang Jaya Municipal Council corporate communications officer

Muhammad Azli Miswan said for epidemics like Zika, it is within the purview of the state and district health department.

"Usually local councils will help out through joint operations with the district health office.

"The Petaling district health office has informed us that for Zika, all control measures such as fogging and larviciding will be done by them; they will inform us if they need the council's help," he said.



A water-based fogging exercise in progress in Bandar Botanic Klang. One of its residents was the first person to be inflicted with the Zika virus in Malaysia.

07 Sep 2016

The Star, Malaysia

Author: No author available • Section: Metro • Page: 5 • Printed Size: 529.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 26,724.95
PR value: MYR 80,174.85 • Item ID: MY0026970007

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Passengers arriving at the Sultan Azlan Shah Airport were given pamphlets and flyers educating them on the Zika virus.



A mother with her son looking at a bunting on the Zika virus at Hospital Sungai Buloh.

New schemes for house buyers

Low-income first-time property owners have better choices via Rumah Selangorku



story by
JADE CHAN

jade@thestar.com.my

THE state government has introduced several additional schemes to help Selangor residents buy a property; including programmes for newlyweds and retired police officers.

"We have set aside RM7mil for the Smart Saver scheme to help newlyweds save more money."

"Under the scheme, a couple will be allowed to rent a state-owned house for a maximum of five years. The state government will then return 30% of their total rental paid, which the couple can then use to buy a home under the Rumah Selangorku scheme."

"The Rumah Selangorku affordable housing scheme has a 30% quota for Selangor civil servants. Effective Sept 1, a 10% quota will also be allocated for retired or veteran police and army officers who do not own any property in Selangor," said Selangor Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

He added that from next year, the existing Smart Selangor First Home Deposit scheme will be expanded to include Type B and

Type C houses under Rumah Selangorku.

"Under the present scheme, the state will pay the 10% deposit for Type A homes, capped at a price of RM42,000 per unit. This scheme will soon be expanded to include Type B and Type C houses, with prices ranging from RM100,000 to RM200,000."

"It will only be given to qualified applicants, who are expected to return the deposit later," said Azmin.

He said all these efforts fall under the state's "house owning democracy" concept to encourage property ownership among Selangor folk, particularly for first-time housebuyers from the low- and middle-income groups.

"We will continue setting a ceiling price of RM250,000 per unit for affordable housing, despite a recent Federal Government circular to all states that the ceiling price be capped at RM300,000."

"But I urge Bank Negara to review its guidelines on household debt to give first-time buyers the opportunity to own a house," he said.

He was speaking after launching the latest Rumah Selangorku project in Taman Putra Impiana, Puchong.

Built by Acmar Group subsidiary Usahasama Utama Sdn Bhd, the 18th scheme offers 380 units on a 2.9ha site.

There are 328 apartment units under the scheme, with sizes ranging from 70sq m to 84sq m (750 sq ft to 900 sq ft) and prices ranging from RM100,000 to RM180,000 per unit.

There are also 52 townhouse units under the same scheme. They are priced at RM250,000 each for a 93sq m (1,000sq ft) unit.

Selangor Housing and Real Property Board (LPHS) executive director Norzaton Aini Mohd Kassim said application for Rumah Selangorku was based on a merit system.

"The computer will determine the applicant's qualification using a points system," she said, disclosing that there were presently 70,000 applicants on the waiting list.

"Higher points are given, for example, if the person has a lot of dependants or if he has all the necessary supporting documents," she added.

